

HARI : ISNIN  
TARIKH : 24/6/2019  
M/SURAT : 4A

Kuala Lumpur

## Menteri pantau mengejut di Pasar Borong Selangor

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail melakukan pemantauan mengejut di Pasar Borong Selangor, awal pagi semalam bagi menilai pergerakan harga barang selepas tamat tempoh Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Saifuddin dalam catatan di laman Facebook rasmi beliau berkata, pemantauan itu juga bagi menilai kepatuhan terhadap undang-undang pengguna selain mendapatkan maklum balas daripada peniaga dan pengguna.

"Pada pukul 4 pagi hari ini (semalam) saya melawat Pasar Borong Selangor bersama pegawai Nforceteam KPDNHEP.

"Alhamdulillah, hasil pemantauan mendapat harga barang keperluan masih lebih kurang sama dengan harga semasa tempoh pelaksanaan SHMMP. Bekalan juga mencukupi dan kualiti barang jualan tinggi," katanya.

Dalam pada itu, katanya pemantauan akan diteruskan secara kerap bagi menangani sebarang pencatutan dan menjaga kebijakan pengguna.

"Para peniaga diingatkan supaya tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya walaupun tempoh SHMMP berakhir," katanya. - Bernama